

## LAMBAKAN “KEYBOARD WARRIOR” ANCAM TAHAP PEMIKIRAN MASYARAKAT

AFIZAN BIN AMER  
MOHD AZLAN ABDUL MAJID

FAKULTI PENGURUSAN DAN  
PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS  
REMBAU

Kemajuan dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membuka lembaran baru dalam kehidupan individu yang dapat menghubungkan masyarakat seluruh dunia tanpa sempadan. Kewujudan saluran media baru pada zaman ini telah mengubah corak masyarakat berkomunikasi antara satu sama lain, di mana masyarakat pada masa ini telah menjadikan media baru seperti laman sosial sebagai medium perhubungan yang utama.

Dengan kewujudan laman sosial ini telah membuka satu dimensi baru dimana ianya melahirkan golongan yang digelar sebagai “keyboard warrior”. *Keyboard warrior* atau lebih dikenali sebagai juara papan kekunci ditafsirkan sebagai individu dalam kelompok masyarakat yang cuba menjadi pakar dengan menyampaikan sesuatu pandangan yang dirasakan sah sah baginya (walau bukan bidang kepakarannya) serta hanya berani berhujah di sebalik skrin komputer. Kehadiran kumpulan seperti ini semakin kerap dirasai oleh seluruh pengguna laman sosial apabila berlaku sesuatu isu.



Dengan kata lain, golongan ini adalah individu yang gemar meluahkan kemarahan dan emosinya terhadap sesuatu isu dengan cara tidak langsung dan di luar bidang kepakarannya. Ini kerana mereka tidak mampu meluapkannya secara langsung. Perlakuan ini berlaku secara meluas apabila kumpulan individu ini cuba mempertahankan pendapat mereka walaupun tidak dikira penting oleh orang lain.

Perdebatan tentang sesuatu isu yang dimuat naik di laman sosial akhirnya menjadi satu topik persengketaan secara maya di antara para *keyboard warrior* yang tidak bersependapat dan ini seterusnya akan menghilangkan rasa hormat dan kesantunan berbahasa di kalangan masyarakat. Isu tersebut akan menjadi semakin besar apabila semakin ramai yang terlibat dalam perdebatan tersebut. Mereka dapat ditafsirkan sebagai ‘baling batu, sembunyi tangan’ apabila hilang rasa tanggungjawab dalam mengeluarkan pendapat mereka.

### Kebebasan di Internet Bukan Kebebasan Mutlak

Perkembangan ideologi golongan ini adalah disebabkan golongan ini merasakan mereka mempunyai kebebasan mutlak untuk beraksi di ruang internet, seperti di media sosial dan ini yang telah mendorong mereka melontarkan apa sahaja bentuk pandangan yang dirasakan betul bagi menyokong pendapat peribadi mereka. Setiap pandangan yang cuba disampaikan oleh mereka terhadap sesuatu isu mungkin ada yang dilihat berguna dan tidak kurang juga yang negatif.

Hal ini juga berkemungkinan berlaku akibat daripada pemilihan kandungan paparan di media sosial yang secara asasnya ditentukan oleh seseorang individu itu sendiri. Dalam keadaan ini sesiapa sahaja boleh melemparkan pandangan kepada orang lain walaupun di luar bidang kepakaran mereka dan hanya mewujudkan perbalahan di laman web atau blog.



Jika kita membuat perbandingan dengan medium komunikasi secara konvensional, komunikasi dalam internet seperti melalui media sosial adalah tidak dikawal oleh sesiapa kecuali pengendalinya sahaja. Malah tidak ada sesiapa yang bertindak sebagai pemantau yang terdiri daripada editor profesional yang perlu dirujuk bagi mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum sesuatu bahan itu dimuat naik ke laman sosial.

Masyarakat di negara ini tidak harus beranggapan bahawa dengan adanya kebebasan penyebaran melalui internet, mereka akan mempunyai kebebasan mutlak sehingga bebas bersuara dan menghasilkan individu bersifat *keyboard warrior* yang suka menimbulkan spekulasi terhadap sesuatu isu yang sensitif serta menimbulkan perasaan kebencian di kalangan masyarakat. Tindakan mereka ini secara tidak langsung boleh menimbulkan kesan negatif yang serius.

### **Penembusan Rangkaian Media Sosial di Malaysia**

Menurut kajian, kadar penembusan rangkaian media sosial di Malaysia adalah amat tinggi, iaitu sebanyak 91 peratus dengan satu daripada setiap tiga minit digunakan dalam talian adalah untuk melayari rangkaian media sosial. Seramai 11.8 juta rakyat dianggarkan mempunyai akaun Facebook dengan lebih 80 peratus melayari Internet untuk mengakses Facebook.

Situasi ini boleh menyebabkan sesuatu spekulasi liar yang tidak berasas akan lebih mudah tersebar sekiranya penggunaan laman sosial seperti Facebook atau blog disalahgunakan. Keadaan akan bertambah buruk lagi apabila pengguna media sosial bertindak terburu-buru menekan butang *share* tanpa

berfikir panjang menyebabkan maklumat tersebut tersebar dengan meluas.

Oleh kerana lambakan maklumat yang cuba disampaikan, ia bukan sahaja boleh memberi kesan bukan sahaja kepada masyarakat malah turut memberi kesan kepada beberapa pihak lain seperti kerajaan serta pihak berwajib yang sukar menyalurkan maklumat yang sebenar. Walaupun media baru memberi kebebasan kepada masyarakat untuk memberi apa-apa pandangan mengikut pendapat peribadi, namun ia seharusnya dikawal oleh setiap individu sendiri supaya pada akhirnya tidak menimbulkan maklumat yang berbentuk spekulasi.